

Role of the Government in Developing the Silk Industry of South Sulawesi, Indonesia

by Sudirman Sudirman

Submission date: 04-Sep-2020 09:32AM (UTC+0700)

Submission ID: 1379341831

File name: SEASSR_INTERNASIONAL_JURNAL_19May2020.pdf (231.85K)

Word count: 7969

Character count: 52706

Peranan Pemerintah dalam Memajukan Perusahaan Sutera di Sulawesi Selatan, Indonesia

Role of the Government in Developing the Silk Industry of South Sulawesi, Indonesia

Baso Iwang

*Program Studi Ilmu Ekonomi
Fakultas Ekonomi dan Bisnis Islam
Universitas Islam Negeri Alauddin
Makassar, Indonesia
E-mail: basoiwang@yahoo.com*

Sudirman

*Fakultas Ekonomi dan Bisnis Islam
Universitas Islam Negeri Alauddin
Makassar, Indonesia
Email: yudih65@yahoo.co.id*

ABSTRAK

Developing the silk industry through small and medium enterprises (SMEs) is one of the important economic activities of the people of South Sulawesi as silk production and its use are part and parcel of economic life, tradition and culture. The development of the silk industry is facilitated by a variety of factors such as land availability, natural resources, labour, and the desire of the central and regional governments to make silk as a priority industry. This article aims to discuss the role of the government in the development

of silk enterprise in South Sulawesi with a focus on three districts namely Wajo, Enrekang and Soppeng. Primary data were obtained through surveys, interviews and focus groups focus group discussion (FGD), while secondary data was obtained from government documents, articles and books. This article shows the role of the government in formulating policies, providing direct assistance, training and technical guidance for farmers and other forms of aid. Although the upstream activities in the silk enterprise have suffered significantly, in the downstream sector, they are very much alive among the community especially artisans and weavers in the Wajo district. The effective role of the government in supporting the industry is in terms of establishing cooperation between silk entrepreneurs and weavers with Bank Negara Indonesia (BNI) which established the silk village in Wajo, as well as ensuring marketing. All of these have contributed to enhancing the community's interest in developing the silk industry.

Key words: *Government's role, silk industry policy, community participation, silkworm growers, handloom weavers*

ABSTRAK

Perusahaan sutera merupakan salah satu aktivitas ekonomi masyarakat Sulawesi Selatan yang penting untuk dikembangkan melalui usaha kecil dan menengah (UKM) dan juga sutera ini merupakan sebahagian dari kehidupan ekonomi, tradisi dan budaya. Dalam perkembangannya didukung oleh berbagai faktor diantaranya ketersediaan tanah, keadaan alam, tenaga kerja, serta keinginan pemerintah pusat dan daerah yang menempatkan sutera sebagai produk keutamaan atau produk unggulan. Artikel ini bertujuan untuk menghuraikan peranan pemerintah dalam pembangunan perusahaan di Sulawesi Selatan dengan tumpuan kepada tiga kabupaten yang merupakan pusat pengembangan sutera iaitu kabupaten Wajo, Enrekang dan Soppeng. Data primer diperoleh melalui survei, wawancara langsung dan dari kelompok diskusi berfokus (*Focus Group Discussion – FGD*), manakala data sekunder diperolehi daripada dokumen dokumen pemerintah, artikel dan buku. Artikel ini menghuraikan peranan Pemerintah dalam menggubal beberapa dasar, bantuan langsung, latihan serta bimbingan teknik untuk petani dan lain-lain peranan lagi. Walaupun usaha sutera mengalami kemerosotan pada sektor hulu namun di sektor hilir, ia masih tetap diminati oleh komuniti dan pengusaha sutera

khususnya pengrajin dan penenun di kabupaten Wajo. Peranan pemerintah yang berkesan dalam mendukung usaha sutera ialah dari segi menjalinkan kerjasama antara pengusaha dan penrajin dengan Bank Negara Indonesia (BNI) yang membentuk perkampungan sutera di Wajo, serta usaha pemasaran yang baik. Semua ini dapat meningkatkan minat komuniti untuk terlibat dalam memajukan usaha sutera.

Kata Kunci: peranan pemerintah, dasar perusahaan sutera, penglibatan komuniti, penternak bibit, pengrajin tenunan

Pendahuluan

Provinsi Sulawesi merupakan penghasil sutera asli terbesar di Indonesia dengan sumbangan sekitar 90% terhadap produksi benang sutera bagi seluruh Indonesia. Ketersediaan tanah yang luas, cuaca yang baik dan sosio-budaya masyarakat yang mendukung perusahaan sutera sebagai warisan keluarga menyumbang kepada penerusan perusahaan sutera. Bagi pemerintah Provinsi Sulawesi Selatan pula, perusahaan sutera merupakan komoditi unggulan atau keutamaan. Ini terungkap dalam dasar pemerintah tentang Gerbang Emas Persuteraan Alam Sulawesi Selatan yang bertekad memajukan perusahaan sutera. Perusahaan ini dianggap salah satu sektor bagi membangun perekonomian masyarakat pedesaan, menghapuskan kemiskinan dan mengangkat kesejahteraan mereka dengan cara membuka peluang pekerjaan melalui penyerapan tenaga kerja, meningkatkan pertumbuhan ekonomi serta perolehan pendapatan daerah (Salman et.al 2005).

Menurut Balai Persuteraan Alam (2013), perusahaan sutera di Sulawesi Selatan telah dikembangkan di 13 kabupaten iaitu Kabupaten Wajo, Enrekang, Bulukumba, Soppeng, Sidrap, Bone, Barru, Maros, Gowa, Toraja, Sinjai, Luwu Timur, dan Polewali Mandar. Namun pada masa ini hanya tiga kabupaten yang menjadi pusat pengembangan persuteraan iaitu, kabupaten Enrekang dan Soppeng yang menjadi pusat pengembangan tanaman mulberi (atau murbei), penternakan ulat sutera dan produksi kokon dalam sektor hulu, manakala Kabupaten Wajo sebagai pusat pertenunan dan penghasilan kain sutera dalam sektor hiliran.

Rajah 1. Peta Sulawesi Selatan



Sumber: <https://bahasasejarah.wordpress.com/2019/02/02/kondisi-tanah-dan-cuaca-sulawesi-selatan>

Walaupun usaha persuteraan sangat penting, bilangan para petani pada bahagian hulu yang terlibat dalam pemeliharaan ulat sutera dan tanaman mulberi di Provinsi Sulawesi Selatan mengalami penurunan setiap tahun. Data menunjukkan pada tahun 2012, bilangan petani sutera yang terlibat di sektor hulu ialah sebanyak 3,356 ketua keluarga dengan keluasan tanah 1,765 hektar, jauh lebih kecil berbanding dengan 4,313 ketua keluarga yang menceburkan diri pada tahun 2000 dengan keluasan tanah 6,827 hektar. Angka-angka ini menunjukkan satu penurunan ketara sebanyak 957 ketua keluarga atau 22.2%, manakala keluasan tanah berkurang sebanyak 5,062 hektar dalam 12 tahun daripada tahun 2000 hingga 2012.

Untuk tahun 2018 data yang diperoleh melalui Balai Perhutanan Sosial dan Kemitraan Lingkungan (PSKL) Wilayah Sulawesi tahun 2018 menunjukkan bahawa minat masyarakat terus menurun dalam sektor hulu. Data menunjukkan keluasan tanah tanaman mulberi hanya 160.15 hektar yang berada di kabupaten Soppeng dan Wajo, sedangkan kebun tanaman mulberi hanya sekitar 48 hektar bagi kabupaten Sidrap, Soppeng, Wajo, Gowa, Bulukumba, Takalar dan Polewali Mandar.

Kegiatan persuteraan pada tingkat petani kebanyakan dilakukan oleh komuniti pedesaan dengan cara rakyat atau tradisional. Sebagai contoh, pemeliharaan ulat sutera masih menurut cara tradisional iaitu dengan pemanfaatan kolong atau bawah rumah untuk ulat kecil, bahkan masih ada sistem pemeliharaan ulat kecil dan ulat besar berdekatan; dengan demikian, kemungkinan terjadinya kontaminasi atau jangkitan penyakit memang besar, sehingga boleh menimbulkan kegagalan tuai. Hal ini ada kaitan dengan kurangnya pengetahuan dan kemahiran komuniti petani dalam kegiatan usaha sutera khususnya pembudidayaan mulberi dan bibit ulat sutera.

Pada bahagian hiliran pula, jumlah anggota komuniti yang terlibat sekitar 20,902 orang tenaga kerja dengan jumlah unit usaha 10,938 pada tahun 2008. Namun pada tahun 2012, jumlahnya jatuh kepada sekitar 16,227 orang dengan unit usaha sebanyak 9,288 yang tersebar di 12 kabupaten (Dinas Perindustrian dan Perdagangan Provinsi Sulawesi Selatan 2012). Namun seiring dengan adanya permasalahan bibit ulat sutera yang kurang baik maka banyak petani dan pengrajin tenun sutera telah beralih pekerjaan kepada usaha lain yang lebih menjanjikan dari segi ekonomi. Namun hanya di Kabupaten Wajo sahaja yang masih tetap ada dan menjadi pusat pertenunan sutera khasnya bahagian hiliran. Di Wajo, usaha pertenunan dan pengeluaran kain sutera masih tetap terjaga dan dikerjakan walaupun bibiti ulat sutera mesti diimport dari negara luar (Baso 2015, 2019).

Jadual 1: Pertenunan Sutera Kabupaten Wajo, Sulawesi Selatan Tahun 2012-2016

Tahun	Unit Usaha	Tenaga Kerja (orang)
2012	5377	8789
2013	5337	8789
2014	5375	9789
2015	5.831	9820
2016	5940	20,993

Sumber: Dinas Koperasi, UMKM dan Perindustrian Kab. Wajo 2016.

Walaupun secara keseluruhan pengeluaran sutera di Sulawesi Selatan mengalami kemerosotan namun masih ada daerah yang tetap mempertahankan dan melestarikannya disebabkan aktiviti ini sudah menjadi sebahagian daripada budaya masyarakat tempatan (Baso 2015). Ini terbukti di Kabupaten Wajo. Seperti ditunjukkan dalam Judual 1, bilangan unit usaha bertambah daripada 5377 pada 2012 menjadi 5940 pada 2016 manakala bilangan tenaga kerja juga meningkat daripada 8789 orang pada 2012 kepada 20,993 orang pada 2016.

Justeru, soalan yang berbangkit ialah: Apakah peranan yang dimainkan oleh pemerintah untuk memulihkan dan memajukan perusahaan sutera di Sulawesi Selatan agar ia benar-benar menjadi kegiatan ekonomi unggulan? Setakat mana peranan pemerintah ini berkesan dalam mendorong maju perusahaan sutera Sulawesi Selatan sehingga menjadikannya industri unggulan?

Peranan Pemerintah dalam Pembangunan

Pelbagai kajian di negara maju dan membangun menunjukkan institusi pemerintah merupakan kunci keberhasilan pembangunan. Institusi pemerintah yang baik, cekap dan kuat adalah institusi yang mampu menampung aspirasi rakyat, lantas memprosesnya menjadi dasar dan strategi, melaksanakan dan mengendalikan serta mengevaluasi atau menilai hasil akhirnya untuk masyarakat dan negara. Dalam ilmu pembangunan, peranan pemerintah dikaitkan dengan teori negara pembangunan (*developmental state*) yang

dikemukakan pada awalnya oleh Chalmers Johnson (1982) dalam kajiannya mengenai keajaiban pembangunan Jepun, dan juga oleh pengkaji-pengkaji lain kemudian untuk pelbagai negara (Lihat misalnya, Amsden 1989; Applebaum & Henderson 1992; Woo-Cuming 1999; Abdul Rahman 2008; Sity 2014). Menurut Johnson, negara pembangunan ialah sebuah negara yang memberi fokus kepada pembangunan ekonomi dan melaksanakan langkah-langkah dasar yang khusus bagi mencapai objektifnya. Ini kerana pemerintah negara itu sedar yang ia ketinggalan dari segi perindustrian dan pembangunan, dan untuk maju, pemerintah mesti memainkan peranan utama dan mengusahakan pembangunan secepat mungkin. Negara secara aktif melakukan intervensi atau campur tangan ke dalam ekonomi dan pasaran dengan memberi arahan, mengatur serta melakukan koordinasi dengan sektor swasta melalui peruntukan atau alokasi strategik pelbagai sumber daya yang penting, serta menekankan faktor autonomi relatif dan campur tangan negara secara terpilih dengan menggunakan birokrasi dan institusi pemerintah lain demi menghasilkan perkembangan ekonomi yang pesat (Johnson 1982). Teori *developmental state* mensyaratkan negara yang kuat yang boleh melakukan campur tangan negara dalam proses pembangunan (Poppy 2003). Campur tangan negara sangat diperlukan bagi negara dan masyarakat yang mempunyai struktur sosial yang kompleks (Green 1974) dan bagi memajukan sektor ekonomi yang dekat dengan masyarakat serta memerlukan perhatian dan bantuan pemerintah.

9

Peranan pemerintah dalam pembangunan sangat penting, pertama dalam pengadaan dan pemanfaatan barang-barang keperluan masyarakat. Kedua, sebagai pihak yang menyelenggarakan pembangunan sesuai dengan visi dan misi negara. Ketiga, untuk menghindarkan terjadinya monopoli bisnis serta persaingan yang tidak sihat antara perusahaan yang besar dengan perusahaan kecil dan menengah (sederhana), dengan demikian memberi ruang kepada usaha yang kecil dan menengah untuk sama-sama berkembang. Keempat, untuk mendukung kemajuan sektor ekonomi yang dianggap mempunyai kepentingan khusus kepada negara dan rakyat seperti ekonomi yang melibatkan warisan tradisi masyarakat dan

boleh menyumbang untuk membasmi kemiskinan dan membangun kesejahteraan masyarakat.

Indonesia bukanlah satu-satunya negara di Asia Tenggara di mana pemerintah memainkan peranan aktif untuk memajukan ekonomi masyarakat termasuk mengembangkan perusahaan sutera. Di Thailand yang merupakan pengeluar sutera keempat terbesar di dunia selepas China, India dan Uzbekistan, pemerintah termasuk institusi raja Thailand memainkan peranan yang aktif. Pada mulanya perusahaan sutera di Thailand tidak berkembang, bahkan hampir mati pada tahun 1930-an dan 1940-an kerana kualiti bibit ulat sutera yang rendah. Tetapi pada 1950-an, perusahaan sutera mula bangkit menjadi perusahaan yang berkembang maju didukung oleh masyarakat petani. Kebangkitan ini adalah hasil kerja keras dua tokoh utama. Pertama ialah Ratu Sirikit, permaisuri Raja Thailand yang memberikan perhatian khususnya untuk membangun perusahaan sutera; dan yang kedua ialah seorang pengusaha individu yang berasal dari Amerika Syarikat iaitu Jim Thomson. Thomson membuka peluang pasaran sutera pada peringkat antarabangsa manakala Ratu Sirikit membuka ruang pasaran dalam negeri. Hasil daripada dorongan dan kepemimpinan kedua-dua tokoh ini, perusahaan sutera di Thailand akhirnya berkembang pesat sehingga hari ini di mana Thailand merupakan pengeluar sutera keempat terbesar di dunia.

Mungkin ada baiknya kita memahami bagaimana dalam rangka membangun perusahaan sutera di pedesaan, Ratu Sirikit pada masa itu sering berkunjung ke kawasan pedalaman Thailand khususnya di wilayah Isaan di Timur Laut Thailand serta memberi semangat dan dorongan kepada para petani untuk menternak bibit dan menghasilkan kokon serta menjalankan tenunan bagi menghasilkan kain sutera. Baginda Ratu memberi pengiktirafan diraja kepada pengrajin tenunan yang menghasilkan kain sutera yang terbaik. Ratu Sirikit sendiri melukis beberapa jenis desain pakaian sutera tradisi Thai dan dikongsikan dengan para petani dan pengrajin tenunan. Desain-desain ini dijadikan panduan oleh pengrajin-pengrajin tenunan untuk menghasilkan kain serta menjadikan pakaian sehingga ia menjadi popular dan mampu menarik minat masyarakat Thailand. Ratu Sirikit memberi dorongan dan motivasi kepada para petani yang

menanam mulberi dan menternak bibit supaya menghasilkan yang terbaik dari segi kuantiti dan kualiti; begitu juga baginda mendorong para penenun supaya menghasilkan kain sutera Thai yang terbaik. Ratu Sirikit menganggap sutera bukan sahaja suatu khazanah nasional bangsa Thai, tetapi juga suatu usaha bagi membangun ekonomi pedesaan yang terbelakang dan miskin serta meningkatkan kesejahteraan hidup kaum tani dan menghapuskan kemiskinan.

Hasil daripada peranan pemerintah dan penglibatan pihak istana Thailand khususnya Ratu Sirikit, pada hari ini, 97% sutera mentah Thailand dihasilkan di wilayah Isaan, Timur Laut Thailand khususnya di Provinsi Sisaket, Khon Gan, Mahasarakham dan Khorat. Provinsi-provinsi ini merupakan wilayah paling miskin di negara itu. Kira-kira 20,000 keluarga atau 100,000 orang terlibat dalam industri sutera sama ada di sektor hulu mahupun hiliran.

Daripada jumlah 700 ton metrik sutera mentah dihasilkan di Thailand, kira-kira 500 ton metrik (atau 71.4%) dihasilkan oleh petani kecil yang pekerjaan utamanya ialah bertanam padi. Menternak ulat dan menghasilkan kokon dan benang sutera mentah ialah kerja sampingan bagi mereka. Mereka menjual benang mentah itu kepada para penenun untuk melakukan tenunan dan menghasilkan kain sutera. Selain peranan penting istana Thailand, pelbagai agensi pemerintah khususnya Kementerian Pertanian dan Koperasi serta universiti memainkan peranan penting dalam mendukung kemajuan perusahaan sutera. Sebagai contoh, Pusat Kecemerlangan Sutera (Center for Excellence in Silk) yang diwujudkan di Universiti Kasetsart (kampus Kamphaeng Saen) memainkan peranan utama dalam melakukan penyelidikan terhadap penghasilan sutera serta membekalkan bibit ulat sutera yang baik kepada petani. Begitu juga mereka membimbing dan memupuk kemahiran dalam kalangan petani penternak ulat sutera dan kokon serta penenun. Apa yang dilakukan oleh universiti adalah secara koordinasi dengan peranan Kementerian Pertanian dan Koperasi Thailand yang sering membuat lawatan dan memberi bimbingan kepada kaum tani. (https://en.wikipedia.org/wiki/Thai_silk).

Peranan Pemerintah Dalam Membangun Perusahaan Sutra di Sulawesi Selatan

(A) Penggubalan Dasar dan Masalah Pelaksanaan

Dalam konteks Indonesia, peranan pemerintah sangat penting bukan sahaja untuk pembangunan industri di kota tetapi juga untuk sektor-sektor lain termasuk perusahaan sutra yang diusahakan oleh masyarakat pedesaan dan memerlukan campur tangan pemerintah. Dalam artikel ini, peranan negara yang dimaksudkan ialah peranan pemerintah pusat, pemerintah negeri (provinsi) serta pemerintah kota atau kabupaten yang melakukan intervensi dalam sosioekonomi iaitu ekonomi persuteraan alam agar mendorong dan mengubah produksi, masyarakat dan organisasi ekonomi ke arah yang lebih baik sesuai dengan dasar yang ditetapkan pemerintah dan kehendak masyarakat.

Di Indonesia, sesuai dengan keinginan rakyat, telah muncul arus perubahan reformasi khasnya semenjak tahun-tahun terakhir abad ke-20 setelah jatuhnya rejim Soeharto dan permulaan abad ke-21 di mana pemerintah harus melakukan perubahan dan penyesuaian dasar demi kepentingan rakyat. Salah satu dasarnya mengenai pengelolaan usaha persuteraan. Dasar itu mengarahkan kepada perkembangan ekonomi pedesaan yang berkelanjutan atau lestari sifatnya, mewujudkan sinergi dalam pelaksanaan pembangunan ekonomi, sosial dan budaya dengan melibatkan anggota masyarakat serta mendapat dukungan pemerintah dan kerjasama swasta.

Pelbagai dasar telah dikemukakan oleh pihak pemerintah untuk meningkatkan produksi persuteraan tetapi belum mencapai target yang diharapkan. Antara penyebab tidak berhasilnya pengendalian dan pengurusan persuteraan ini ialah kesilapan dalam mengenalpasti permasalahan (Sadapotto 2012). Dalam permasalahan yang ada, selalu dianggap adalah hanya faktor fizikal dan teknik dan sering mengabaikan faktor manusia yang terlibat dalam proses usaha sutra ini. Sebenarnya sudah difahami bahwa pengurusan persuteraan ini memerlukan² banyak tenaga kerja kerana ia merupakan sektor ekonomi yang *labour intensive*, justeru faktor manusia yang terlibat

di dalamnya sangat penting dalam keberhasilan dan kejayaan usaha persuteraan.

Sumberdaya alam, sumberdaya manusia, teknologi dan institusi merupakan faktor-faktor penggerak dalam pembangunan perusahaan sutera. Oleh karena itu pihak-pihak yang terlibat seperti komunitas, swasta serta pemerintah harus saling mendukung dalam membangun dan melestarikan perusahaan ini. Hasil persuteraan dapat tercapai jika pihak pemerintah mampu membina dasar-dasar yang sesuai, langkah-langkah yang strategis dan praktis serta mengarahkan komunitas secara luas baik individu ataupun kelompok dalam memperkasakan pengembangan persuteraan.

Di bawah ini akan dibicarakan beberapa dasar dan tindakan pemerintah bagi tujuan membangun perusahaan sutera di Sulawesi Selatan. Salah satu perkara dalam dokumen Perum Perhutani (2005) dinyatakan bahawa faktor pendukung yang sangat menentukan dalam penyusunan perencanaan persuteraan alam adalah dukungan pemerintah daripada peringkat pemerintah pusat hingga ke provinsi dan kabupaten. Antara peranan yang perlu dimainkan pemerintah ialah menggubal dasar yang tepat mengenai persuteraan alam yang dirumuskan berdasarkan konsultasi dengan komunitas pengusaha sutera (termasuk petani), melaksanakan dasar itu dengan baik dan berkesan serta memastikan pemantauan atau monitoring berterusan agar objektif dasar dapat tercapai bagi memenuhi kehendak negara dan masyarakat.

Dasar adalah rangkaian konsep dan asas yang menjadi pedoman dan asas rencana dalam pelaksanaan suatu pekerjaan, kepemimpinan, dan cara bertindak. Dasar adalah serangkaian tindakan dan kegiatan yang diusulkan seseorang, kelompok atau pemerintah dalam suatu lingkungan tertentu di mana terdapat hambatan-hambatan atau kesulitan-kesulitan di samping wujudnya kesempatan-kesempatan terhadap pelaksanaan usulan dasar tersebut dalam rangka mencapai tujuan tertentu (Leo Agustino 2008).

Dari segi usaha persuteraan pula, dasar pemerintah Indonesia mengenai pengembangan persuteraan boleh dibahagi kepada dua bahagi⁵ iaitu dasar umum dan dasar khusus. Dari segi dasar umum pengembangan persuteraan adalah mendorong pelaku usaha

pengeluaran produk sutera dalam jumlah besar dan berkualitas serta untuk memenuhi permintaan pasaran baik domestik maupun eksport. Dasar-dasar yang diberlakukan pemerintah ialah (a) Peraturan Bersama Menteri Kehutanan Nomor P.47/MENHUT-II/2006; (b) Menteri Perindustrian Nomor 29/M-IND/PER/6/2006; dan (c) Menteri Negara Koperasi dan Usaha Kecil dan Menengah Nomor 07/PER/M.UMKM/VI/2006 – kesemuanya tentang Pembinaan dan Pengembangan Persuteraan Alam Nasional dengan Pendekatan Klaster.

Dasar khusus mengenai perusahaan sutera meliputi beberapa aspek. Menurut Munaf (2005), dasar khusus meliputi aspek-aspek ini (a) Pencapaian sasaran pengembangan persuteraan Indonesia selama lima tahun; (b) Pengembangan persuteraan berdasarkan pengembangan pusat dengan pendekatan klaster (kelompok) iaitu menyatukan seluruh bahagian-bahagian yang produktif dalam industri sutera dari hulu ke hilir sehingga keunggulan komparatif produk persuteraan menjadi keunggulan kompetitif atau berdaya saing); (c) Pembentukan *Silk Solution Center* diperlukan sebagai upaya untuk meningkatkan minat serta penglibatan komuniti terhadap usaha persuteraan bagi memajukan persuteraan secara nasional. Selain itu, pemerintah juga pernah membuat dasar bekerjasama dengan negara pengeluar sutera alam iaitu Jepun bagi tujuan mengembangkan sutera alam di Indonesia termasuk di Sulawesi Selatan.

Berikut ini diuraikan secara ringkas beberapa dasar dalam proses pengembangann usaha persuteraan oleh pemerintah baik pada tingkat pusat mahupun pada tingkat daerah, yang bertujuan untuk mengembangkan usaha persuteraan:

1. Dasar Kerjasama Indonesia-Jepun (1974-1984)

Kegiatan persuteraan di Sulawesi Selatan secara aktif dimulai sekitar tahun 1950-an. Pada waktu itu tentera dari pulau Jawa membawa bibit ulat sutera untuk dikembangkan khususnya di daerah pedesaan. Pemeliharaan ulat sutera yang dilakukan oleh rakyat ternyata berkembang pesat kerana didukung oleh keadaan cuaca yang sesuai, budaya masyarakat yang menunjang dalam

² hal pakaian adat yang dibuat dari benang sutera serta tradisi masyarakat untuk melakukan usaha pertenunan. Pada tahun 1971 masyarakat Sulawesi Selatan mencapai kejayaan dalam pemeliharaan (budidaya) usaha persuteraan dengan produksi benang sutera hingga mencapai 140 tan. Kemudian setelah itu produksi benang sutera² mulai menurun kerana terdapat masalah-masalah tertentu, salah satu adalah terkena penyakit *pebrine* yang menyebabkan ulat sutera yang dipelihara oleh masyarakat mengalami kegagalan akibat penyakit. Pemerintah kemudian melarang penggunaan bibit tempatan yang diproduksi sendiri oleh petani dan menganjurkan penggunaan bibit *bivoltine* yang disediakan oleh pemerintah. Hal ini tidak disenangi oleh petani oleh kerana mereka sudah terbiasa menciptkan dan melakukan proses produksi telur sendiri. Pemerintah kemudian mengadakan kerjasama dengan Jepun melalui Japan International Cooperation Agency (JICA) yang selanjutnya memberikan bantuan secara percuma kepada komuniti dalam bentuk bibit ulat, penyimpanan telur, mesin pemintal, serta latihan dan magang (latihan kerja) bagi anggota dan pengurus projek persuteraan alam di Jepun (Balai Persuteraan Alam 2013).

Walau bagaimanapun, projek kerjasama ini tidak dapat menyelesaikan permasalahan dengan berbagai-bagai halangan serta cabaran-cabarannya. Sebagai comtoh, pemberian bimbingan serta latihan bagi tenaga lapangan (atau tenaga teknik) tidak dapat menghasilkan tenaga teknik pembimbing dalam persuteraan alam sebab ilmu persuteraan meliputi banyak hal, di antaranya genetik, fisiologi, ekologi, ilmu penanaman mulberi, pemeliharaan ulat dan lainnya. Selain itu larangan pemerintah kepada petani untuk tidak memelihara bibit ulat sutera sendiri telah mengurangkan minat mereka dalam usaha persuteraan, sebab selama ini mereka mengeluarkan sendiri bibit ulat sutera.

2. Dasar Kredit Usahatani Persuteraan (1997-2000)

Dalam meningkatkan minat masyarakat untuk pengembangan usaha persuteraan, pada tahun 1997 pemerintah melalui Dinas Kehutanan telah menyediakan kredit usahatani persuteraan

kepada petani. Ini dinyatakan dalam surat keputusan Menteri Kehutanan No.50/KPTS-II/1997, mengenai pengembangan kredit usahatani persuteraan yang dilakukan di wilayah pusat pengembangan usaha persuteraan seperti provinsi Sulawesi Selatan, Sumatera Barat, Jawa Barat, DI Yogyakarta dan Jawa Tengah. Pemberian kredit usaha persuteraan alam (atau KUPA) ini dilaksanakan dalam bentuk modal kerja dan peralatan produksi dengan kadar bunga atau faedah yang sangat rendah. Bantuan permodalan ini disalurkan oleh pemerintah melalui pihak ketiga (atau mitra) iaitu badan usaha yang dilantik secara langsung oleh Dinas Kehutanan. Menurut Sadapotto (2010), dalam pelaksanaannya projek ini mengalami kegagalan khususnya dari segi pembayaran balik dana yang telah dipinjamkan kepada masyarakat. Penyebabnya ialah dana yang diterima oleh masyarakat (iaitu petani) tidak diperolehi sepenuhnya oleh mereka (petani) kerana masih ada bakinya pada pihak ketiga (mitra sebagai pemberi dana pinjaman). Akibatnya para petani tidak dapat melakukan aktiviti usaha persuteraan secara sepenuhnya. Di lain pihak pula, petani yang telah menerima kredit usaha persuteraan alam (KUPA) itu tidak melaksanakan usaha pemeliharaan (mulberi dan ulat) sebagaimana peruntukannya dan menurut kewajipan petani penerima kredit. Akibatnya petani menghadapi kesulitan untuk membayar balik dana yang telah digunakan (Sadappoto 2010).

3. Dasar Pengembangan Klaster Persuteraan (2006 – sekarang)

Dalam pengembangan usaha persuteraan pemerintah pusat telah mengeluarkan dasar peraturan bersama antara Menteri Kehutanan, Menteri Perindustrian, serta Menteri Negara Koperasi dan Usaha Kecil Menengah. Ini dilakukan melalui peraturan bersama Nombor P.57/MENHUT-II/2006, Nombor 29/M-IND/PER/6/2006, Nombor 07/PER/M.KUKM/VI/2006, mengenai pembinaan dan pengembangan persuteraan alam nasional dengan pendekatan klaster atau kelompok. Program ini melibatkan tiga institusi pemerintah iaitu Departemen Kehutanan, Departemen Perindustrian, serta Kementerian

Koperasi dan Usaha Kecil Menengah. Melalui model pengembangan ini pemerintah mencoba membuat suatu dasar terpadu dalam pengurusan persuteraan dengan pendekatan klaster atau kelompok tersebut.

Pada dasarnya, dalam pengembangan usaha persuteraan ini pemerintah melakukan kerjasama dengan tiga jabatan (atau departemen). Akan tetapi dalam pelaksanaan di lapangan, didapati bahawa badan-badan ini masing-masing berjalan atau melakukan programnya secara sendiri-sendiri. Ini menunjukkan lemahnya koordinasi antara agensi-agensi pelaksana, menjadikan dasar itu kurang berkesan (Dinas Kehutanan Provinsi Sulawesi Selatan 2009).

4. ⁸ **Dasar Gerakan Pembangunan Ekonomi Masyarakat (Gerbang Emas) Sulawesi Selatan (2004 – sekarang)**

Dasar Gerbang Emas ini dikeluarkan oleh pemerintah Provinsi Sulawesi Selatan pada bulan Ogos 2004 yang bertujuan melaksanakan pelbagai program kegiatan gerakan pembangunan ekonomi masyarakat (Gerbang Emas) di wilayah inkubator dan klaster sesuai dengan keadaan setiap sektor dan komoditi yang diunggulkan berdasarkan rancangan yang telah ditetapkan. Salah satu komoditi unggulan (keutamaan) dalam pengembangan ialah sutera alam dengan empat kabupaten sebagai daerah pusat pengembangan iaitu Wajo, Soppeng, Enrekang dan Sidrap.

Dalam pelaksanaannya, sebagai komoditi keutamaan (unggulan) gerakan pembangunan ekonomi masyarakat (Gerbang Emas) tersebut dibuatkan matriks rancangan bisnes masing-masing secara lengkap. Dalam rancangan ini, ia menggambarkan beberapa informasi penting dan mendasar, yang akan dijadikan rujukan bagi pengambil keputusan pelaksanaan di lapangan.

Namun dalam proses pelaksanaannya di lapangan terdapat beberapa hambatan seperti program Gerbang Emas tidak sampai ke lapisan masyarakat bawah (komuniti) khususnya pada tingkat petani, penrajin serta pelaku usaha. Penentuan

wilayah sebagai daerah inkubator dan klaster (kelompok) masih kurang koordinasi, pegawai lapangan sangat terbatas, serta anggaran yang disiapkan pemerintah provinsi ataupun kabupaten dalam Anggaran Pembangunan Belanja Daerah (APBD) untuk melaksanakan program ini belum jelas.

Dari beberapa huraian tentang dasar pemerintah di atas dalam usaha persuteraan yang ada di Sulawesi Selatan, didapati dalam membuat dasar hanya berdasarkan pengamatan dan kepentingan masing-masing dalam membuat suatu keputusan. Secara khusus, dalam proses pembuatan dasar ini apa yang berlaku masih praktik pada peringkat *top down* (institusi) dan kurang memperhatikan pada peringkat bawah (komuniti) atau *bottom up*, dan bantuan itu tidak sepenuhnya sampai kepada komuniti. Hal ini terbukti bahwa setiap dasar yang dikeluarkan oleh pemerintah selalu mengalami kegagalan dalam pelaksanaan program tersebut. Selain itu pihak-pihak yang membina kegiatan persuteraan antara hulu dan hilir tidak berkoordinasi dengan baik dan masih berjalan sendiri-sendiri. Oleh kerana itu dalam suatu proses pembuatan dasar hendaknya melibatkan semua pihak yang berkepentingan dalam kalangan pelaku usaha persuteraan, seperti petani, penrajin, pengusaha, usahawan sutera serta pihak-pihak lain yang berkepentingan, serta perlunya saling koordinasi dalam proses pelaksanaan atau kegiatan. Sebabnya ialah usaha persuteraan ini melibatkan ramai pemegang taruh atau ²*stakeholders* khususnya para petani dan pengrajin yang menunjukkan faktor manusia yang terlibat dalam usaha persuteraan sangat penting dalam keberhasilan usaha.

Penyebab lain tidak berhasilnya dasar pemerintah dalam pengendalian institusi disebabkan kerana salah dalam formulasi atau pengenalan masalah. Menurut Evaluasi ²Gerbang Emas 2006, terdapat beberapa faktor di mana para pembuat keputusan senantiasa memecahkan masalah yang salah, iaitu konsultasi atau berunding dengan orang-orang yang tidak tepat, selalu berpanduan masalah pada masa lalu (maksudnya *path dependent*), lebih memperhatikan gejala daripada penyebabnya, terlalu banyak berfikir struktural

daripada fungsional, serta hanya terfokus pada bidang atau unit kerja tertentu (Evaluasi Gerbang Emas 2006). Pandangan ini memang terbukti semasa penulis sendiri membuat tinjauan di lapangan serta melalui wawancara dengan sejumlah informan yang terlibat dalam perusahaan sutera.

(B) Peranan Pemerintah dalam Pengembangan Perusahaan Sutera: Langkah-langkah Di Lapangan

Kegiatan persuteraan alam harus mendapat dukungan sepenuhnya dari pemerintah Pusat, Provinsi, dan Kabupaten. Usaha persuteraan alam memiliki rangkaian aktiviti yang cukup panjang dan keberhasilan kegiatan sebelumnya akan menentukan kegiatan selanjutnya. Pemerintah dalam hal ini merupakan pihak yang berperanan baik secara tidak langsung mahupun secara langsung dalam usaha pengembangan usaha persuteraan.

Menurut Tarigan (2008), dalam pendekatan klaster, pemerintah merupakan elemen kunci dan mempunyai kuasa peneraju atau *driving power* yang besar dalam pengembangan persuteraan. Dalam pengembangan persuteraan di Sulawesi Selatan, pemerintah telah melakukan langkah-langkah berikut, iaitu: (a) Latihan dan lawatan sambil belajar (atau 'studi banding'); (b) Bantuan alat produksi; (c) Penyediaan bibit ulat dan benih pohon mulberi; (d) Pemasaran dan promosi; (e) Bimbingan kepada petani; (f) Membangun Kampung Sutera dengan peranan aktif Bank Negara Indonesia menjadikannya *Kempoeng Sutera BNI*. Di bawah ini, langkah-langkah itu diuraikan satu persatu seperti berikut:

(a) Melaksanakan Kegiatan Latihan dan Lawatan Sambil Belajar ('Studi Banding')

Kegiatan latihan ialah suatu bentuk kegiatan yang dikhususkan kepada petani dan pengrajin dengan tujuan supaya dapat memperoleh pengetahuan, kemampuan dan ketrampilan yang sesuai dengan tuntutan pekerjaan mereka. Agensi bertanggungjawab bagi pelaksanaan kegiatan ini ialah Departemen Kehutanan dan Balai Persuteraan Alam bagi petani mulberi dan ulat sutera. Latihan ini bertujuan memberi pengetahuan dalam proses pemeliharaan

(budidaya) tanaman murbei dan ulat sutera. Bagi pengrajin pula ia dilaksanakan oleh Dinas Perindustrian dan Perdagangan Provinsi mahupun kabupaten, supaya pengrajin sutera dapat menerima latihan tentang pewarnaan benang serta kualiti benang, dengan demikian diharapkan mereka dapat menjalankan pekerjaan mereka dengan lebih baik.

Bagi kegiatan lawatan sambil belajar, ia dilaksanakan oleh institusi pemerintah dan diatur secara berkelompok untuk mengunjungi projek yang berjaya di tempat lain. Tujuannya ialah untuk memperluas fikiran dan pemahaman serta mengembangkan wawasan petani dan pengrajin tentang pengelolaan usaha persuteraan, meningkatkan pengetahuan dengan cara bertukar maklumat atau informasi dengan petani, pengrajin serta pengusaha persuteraan di wilayah lain, dan menumbuhkan minat dan motivasi dalam mengembangkan usaha persuteraan. Melalui lawatan itu, mereka dapat mempelajari cara-cara dan pengalaman tempat yang mereka lawati agar pengalaman mereka dapat dijadikan model bagi pengembangan perusahaan sutera petani dan pengrajin yang melakukan lawatan itu. Walaupun kegiatan ini biasanya berlangsung dalam waktu relatif singkat, ia membawa kesan penting.

Seperti dinyatakan di atas, pelaksana kegiatan ini adalah institusi pemerintah, baik pusat mahupun daerah seperti yang pernah dilaksanakan oleh Dinas Perindustrian dan Perdagangan Kabupaten Soppeng dan Kabupaten Wajo yang telah mengirim beberapa orang petani, pengrajin serta pengusaha sutera ke Pulau Jawa pada pertengahan tahun 2010 dan tahun 2019. Cuma dalam pelaksanaan 'lawatan sambil belajar' ini, jumlah orang yang dapat mengikuti sangat terbatas disebabkan ia bergantung kepada pembiayaan yang disediakan oleh pemerintah.

Bagi Kabupaten Wajo, kegiatan lawatan sambil belajar itu diadakan untuk pengrajin di Kampoeng Sutera BNI Kabupaten Wajo dengan daerah mitra (partner) Bank Negara Indonesia. Kegiatan tersebut dilakukan sebagai salah satu bentuk program bantuan Kampoeng Sutera BNI dengan tujuan meningkatkan pengalaman serta pengetahuan pengrajin mahupun petani sutera.

Berdasarkan kajian penulis di tiga kabupaten Enrekang, Soppeng

dan Wajo, didapati ramai petani berminat mengikuti latihan. Daripada hasil diskusi kelompok terfokus (FGD) dan kerja lapangan yang dilakukan penulis di sana, didapati bahwa ramai para petani serta pengrajin sutera berpendapat kegiatan ini sangat bermanfaat untuk memperolehi pengalaman serta wawasan dalam membangun usaha persuteraan. Dalam kajian lapangan didapati bahawa ramai petani serta pengrajin yang pernah mengikuti latihan. Daripada 160 orang yang dikaji, sebanyak 140 orang atau 87.5% pernah mengikuti latihan sedangkan yang tidak pernah mengikuti sebesar 12.5 % saja. Hal ini membuktikan bahwa besarnya minat komuniti untuk terlibat dalam aktiviti usaha persuteraan, sehingga merasa perlu untuk memperolehi pengetahuan dan latihan.

(b) Bantuan Untuk Produksi Sutera

Pemberian bantuan kepada petani dan pengrajin merupakan salah satu bentuk peranan pemerintah dalam pengembangan usaha persuteraan. Bantuan ini dibahagikan kepada empat kategori iaitu bantuan tanam mulberi, bantuan mesin, bantuan modal wang, dan bantuan alat produksi (iaitu pupuk). Daripada hasil kajian lapangan penulis didapati pada tiga kawasan yang dikaji penulis sendiri (Enrekang, Soppeng dan Wajo), bahwa bantuan pemerintah yang terbesar adalah bantuan bibit mulberi yang mencapai 50%. Ini berarti memang ramai komuniti yang memiliki tanah yang siap ditanami dengan tanaman mulberi untuk memelihara ulat sutera. Balai Persuteraan Alam adalah agensi pemerintah yang memberikan bantuan terhadap petani. Selain itu, mereka yang mendapat bantuan modal wang ialah sebanyak 6.3 %, alat produksi (pupuk) sebanyak 21.3 % dan mesin 4.4 %. Bantuan mesin ini jumlahnya paling kecil. Bentuk bantuan ini diberikan secara berkelompok, misalnya bantuan alat pemintalan benang. Namun terdapat sejumlah mereka seramai 18.1% yang tidak pernah mendapatkan bantuan dari pemerintah. Mereka ini daripada pengrajin gedongan atau ATBM (alat tenun bukan mesin).

(c) Memproduksi Bibit Ulat dan Benih Pohon Murbei

Pemerintah telah memproduksi bibit ulat sutera serta benih mulberi yang di pergunakan petani dalam usaha persuteraan. Departemen yang mengurus bibit ulat dan benih pohon ialah Perum Perhutani dan Balai Persuteraan Alam dan saat ini terganti nama dengan Balai Perhutanan Sosial dan Kementerian Lingkungan Wilayah Sulawesi. Menurut pihak Perum Perhutani bahawa telur ulat sutera F1 yang diproduksi adalah dihasilkan dari persilangan induk/ras yang unggul. Namun sejak tahun 2011 hingga saat ini, pengadaan atau yang menjadi pemasuk telur di Indonesia ada beberapa pihak diantaranya; pihak Perum Perhutani Bandung, pihak Perum Purhatani Soppeng serta pihak CV Masalangka (Perusahaan swasta yang diberi izin untuk mengimport ulat telur dari China), KPSA (Kesatuan Pengusaha Sutera Alam) Soppeng serta Studi Adaptasi BPSKL (Balai Perhutanan Sosial & Kementerian Lingkungan Wilayah Sulawesi) Wilayah Sulawesi.

Untuk menjamin kesihatan bibit ulat, maka bibit yang diproduksi oleh Perum Perhutani mesti disertifikasi oleh pihak Balai Persuteraan Alam. Untuk telur ulat dari China harus disertakan label bebas dari penyakit *pebrien* dari negara asal. Bagi petani yang mengusahakan produksi sutera, mereka memperoleh bibit ulat dari pemerintah.

Bibit ulat sutera yang berkualiti akan diperoleh jika pemeliharaan ulat induk rnenghasilkan kokon yang baik. Untuk mewujudkan hal tersebut diperlukan penanganan khusus seperti penanganan ulat dan kokon serta pencegahan penyakit.

(d) Melaksanakan Pemasaran dan Promosi

Pemasaran produksi persuteraan merupakan rangkaian akhir yang sangat menentukan. Hal ini kerana pemasaran merupakan jaminan bahawa kegiatan persuteraan ini dapat berlangsung terus atau berhenti.

Pemasaran hasil produksi sutera biasanya dalam dua bentuk, iaitu, pertama; pemasaran bahan asas produk sutera seperti kokon, benang sutera (*raw silk*) dan sutera sisa (*silk waste*) yang memerlukan pengolahan kembali. Khusus untuk benang sutera dapat dibezakan

dengan jenis kehalusan berdasarkan tekstur, kerataan (perihal rata) dan kehalusan, serta dapat digolongkan ke dalam beberapa desain berdasarkan tingkat kehalusan. Kedua, pemasaran bahan sutra hingga barang jadi sutra seperti kain sutra yang telah diwarnai dan diberi motif (*finishing silk fabrics*), pakaian jadi, aksesoris serta barang-barang interior.

Berdasarkan kajian penulis sendiri didapati bahawa promosi hasil produk sutra lebih banyak dilakukan oleh komuniti sendiri. Sebanyak 83.1% responden menyatakan bahawa pemerintah tidak berperanan aktif dalam membantu memasarkan hasil produk sutra. Namun pemerintah biasanya menganjurkan pameran antara provinsi dan memanggil petani dan pengrajin agar mengikuti pameran ini supaya dapat memperkenalkan produk unggulan daerah masing-masing.

(e) 7 Melakukan Bimbingan (Penyuluhan atau Pencerahan) kepada Petani

Menurut Mardikanto (1993), penyuluhan (pencerahan) atau bimbingan merupakan suatu sistem pendidikan di luar sekolah, yang tidak sekadar memberikan penerangan atau menjelaskan, tetapi biasanya untuk mengubah perilaku sasarannya agar memiliki pengetahuan yang luas. Di samping itu juga mereka perlu memiliki sifat progresif untuk melakukan perubahan dan inovasi terhadap sesuatu (inovasi baru) serta memiliki ketrampilan dalam melaksanakan pelbagai kegiatan yang bermanfaat bagi peningkatan produktiviti, pendapatan atau keuntungan, maupun kesejahteraan keluarga dan komuniti.

Bentuk 'penyuluhan' pemerintah dilakukan terhadap petani dalam kegiatan persuteraan, misalnya, dalam pemeliharaan (tanaman yang benar) tanaman mulberi, cara pemeliharaan ulat sutra serta pemintalan benang. Daripada hasil kajian penulis, didapati peranan pemerintah dalam memberi penyuluhan oleh pegawai lapangan terhadap petani masih sangat kurang. Sebanyak 88.1% petani dan pengrajin menyatakan mereka belum pernah mendapatkan bimbingan dan penyuluhan; yang pernah mendapatkan penyuluhan hanya 11.9%. Hal ini sangat berpengaruh terhadap keberhasilan

proses usaha persuteraan seperti kegagalan hasil panen petani sebagai akibat rendahnya pengetahuan petani dalam pemeliharaan ulat sutera. Di sinilah fungsi pegawai lapangan memberikan arahan serta bimbingan agar petani mendapat manfaat yang sangat penting.

(f) Peranan Bank Negara Indonesia dalam Membangun Kampoeng BNI Tenun Sutera

4

Kampoeng BNI merupakan salah satu Program Kemitraan dan Bina Lingkungan (PKBL) yang memiliki tujuan pemberdayaan ekonomi masyarakat melalui penyaluran kredit lunak dengan sistem kelompok yang dilakukan di seluruh daerah di Indonesia. Tujuan pemerintah membangun Kampoeng BNI ini ialah untuk pemberdayaan ekonomi masyarakat, penghapusan kemiskinan dan perbaikan persekitaran di daerah yang secara ekonomi memerlukan perhatian dan bantuan. Dengan program pemberdayaan ini diharapkan akan memberi kesan besar terhadap peningkatan taraf hidup komuniti di Kampoeng BNI dan sekitarnya.

10

Program Kampoeng BNI dibangun atas prinsip pembangunan komuniti, di mana satu kelompok Kampoeng BNI mengangkat produk potensi mereka berdasarkan kearifan setempat (*local wisdom*). Dalam Kampoeng BNI, program PKBL BNI tidak sekadar menyalurkan pembiayaan usaha, namun juga melakukan *capacity building* atau pelatihan peningkatan kemampuan mitra. Selain itu, BNI memberikan bantuan sarana dan prasarana di dalam Kampoeng BNI dan juga sarana sosial masyarakat (lihat www.bni.co.id).

6

Dengan adanya Program Kemitraan dan Bina Lingkungan Hidup (PKBL) dari Bank BNI, masalah modal tersebut akan lebih mudah untuk diatasi oleh pihak bank. Program ini adalah salah satu dari program pemberdayaan ekonomi masyarakat dengan cara menyalurkan kredit lunak ke pelbagai daerah. Tujuan program ini adalah untuk mengembangkan sekaligus membangun potensi yang ada di kawasan pedesaan agar aktiviti ekonominya dapat berjalan dengan lebih stabil.

Salah satu jenis usaha pada masa ini termasuk dalam Program Kampoeng BNI ialah Kampoeng BNI Tenun Sutera Wajo yang terletak di Kecamatan Tanasitolo tepatnya di Desa Pakkana. Di

kawasan ini masyarakat diberikan pelbagai kemudahan oleh pihak Bank BNI dengan maksud agar usaha sutera dapat berkembang maju. Bentuk bantuan kepada komuniti di perkampungan sutera ini berupa perbaikan jalan, pemberian modal, pelatihan serta promosi produk.

Pada awal Ogos tahun 2019, Dinas Perindustrian dan Perdagangan Provinsi Sulawesi Selatan telah mengagag serta melaksanakan kegiatan *Focus Group Discussion* (FGD) yang dipusatkan di Kabupaten Wajo dengan tujuan membahas permasalahan dan cabaran yang terjadi terhadap persuteraan alam.

Dari hasil FGD yang dilakukan di kabupaten Wajo, beberapa penemuan penting diperolehi. Nyata sekali pemerintah Provinsi Sulawesi Selatan sangat mendukung usaha pengembangan sutera dan telah memutuskan akan mengembalikan kejayaan sutera alam yang pernah diraih dalam jangka waktu 3 hingga 5 tahun mendatang. Ada beberapa perkara penting yang dihasilkan dalam pertemuan tersebut di antaranya: (i) Memenuhi keperluan benang sutera saat ini; (ii) Pentingnya kolaborasi terhadap potensi yang ada terutama stakeholders dalam pengembangan sutera alam (seperti pemanfaatan *Corporate Social Responsibility* / CSR terhadap perusahaan-perusahaan yang ada di Sulawesi Selatan); (iii) Untuk meningkatkan minat dan keaktifan masyarakat dalam usaha persuteraan, Pemerintah Provinsi Sulawesi Selatan akan menyiapkan skim memberikan insentif bagi petani dan penenun yang ingin kembali melakukan usaha sutera hingga mereka boleh berdikari atau mandiri; (iv) Pemerintah menggariskan lima tahun ke hadapan untuk memiliki laboratorium induk untuk bibit sutera; (v) Menghadirkan teknologi; (vi) Kolaborasi dengan pihak swasta terutama pendampingan terhadap petani; dan (vii) Membangun perkampungan sutera di Wajo sebagai perkampungan destinasi pelancongan.

Keadaan persuteraan alam menunjukkan bahwa faktor pendukung yang sangat menentukan terhadap permasalahan yang ada merupakan dukungan kuat oleh pemerintah baik pemerintah pusat, provinsi, maupun kabupaten agar segera menggubal kebijakan atau dasar yang tepat mengenai model pengembangan persuteraan serta melaksanakannya dengan baik.

(C) Sutera sebagai Komoditi Keutamaan (Unggulan) Daerah

Pihak Pemerintah telah menetapkan bahawa perusahaan sutera merupakan usaha unggulan manakala komoditi sutera merupakan komoditi unggulan. Walaupun usaha sutera mengalami kemerosotan namun peluang untuk membangun dan mengembangkannya semula sangat besar. Hal ini dibolehkan dengan adanya dukungan pemerintah daerah yang sangat kuat terhadap usaha sutera, keadaan alam yang baik, mahupun budaya dan tradisi masyarakat yang sangat mendukung, terutamanya dalam kalangan pengrajin tenunan kain sutera yang telah dikerjakan secara turun temurun. Oleh kerana itu usaha sutera telah menjadi prioriti atau keutamaan dalam pengembangan industri di Sulawesi Selatan dan menjadikannya sebagai produk unggulan. Manakala Pemerintah Bersama Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) telah menetapkan dalam sebuah Peraturan Daerah Nombor 7 tahun 2018 tentang Rencana Pembangunan Industri Provinsi Sulawesi Selatan tahun 2018-2038. Salah satu tujuannya adalah mewujudkan sutera sebagai industri daerah Provinsi yang mandiri, berdaya saing, berkesinambungan dan berwawasan lingkungan (Perda no.7 tahun 2018).

Komoditi unggulan (industri keutamaan) adalah komoditi andalan yang paling menguntungkan untuk diusahakan atau dikembangkan pada sesuatu daerah (Tumenggung 1996). Ambardi (2002) menyatakan bahwa ada beberapa ciri komoditi unggulan, antara lain: komoditi unggulan harus mampu menjadi penggerak utama (*prime mover*) pembangunan yang mempunyai sumbangan yang menjanjikan peningkatan produksi dan pendapatan, memiliki keterkaitan ke hadapan yang kuat, baik secara komoditi unggulan maupun komoditi lainnya, mampu bersaing dengan produk sejenis dari wilayah lain di pasaran nasional baik dari segi harga produk, biaya produksi, kualiti perkhidmatan, mahupun aspek-aspek lainnya, serta memiliki keterkaitan dengan daerah lain baik dalam hal pasaran mahupun pemasuk bahan mentah, kemudian mampu menyerap tenaga kerja secara optimal sesuai dengan skala produksi. Pengembangan komoditi unggulan harus mendapatkan

pelbagai dukungan, misalnya sosial, budaya, maklumat dan peluang usaha, institusi, pengembangan komoditi unggulan berorientasikan kelestarian sumberdaya dan alam sekitar.

Bolehkah usaha persuteraan di Sulawesi Selatan dianggap sebagai komoditi utama atau unggulan? Mampukah ia bertahan sebagai komoditi unggulan ini? Menurut pemerintah Sulawesi Selatan (2004), kriteria komoditi unggulan yang dapat dikembangkan, meliputi (i) memiliki nilai ekonomi tinggi; (ii) dapat diterima oleh pasaran serantau dan antarabangsa (eksport); (iii) dapat mengurangi ketergantungan atas import (subtitusi import); (iv) masyarakat telah memahami teknologi budidaya dan pasca-tuaian; dan (v) hanya satu komoditi sahaja yang dikembangkan dalam satu kluster.

Namun terdapat juga beberapa kriteria lain bagi suatu komoditi dapat dikategorikan sebagai komoditi unggulan. Menurut Ditjen IHPK (dalam Kustanto 1999), kriteria lain adalah: (i) Ketersediaan bekalan bahan baku secara berterusan; (ii) Nilai ekonomi bahan baku; (iii) Keterkaitan dengan pendapatan rakyat; (iv) Mempunyai kesempatan untuk diversifikasi produk dengan nilai yang tinggi; (v) Penyebaran lokasi; (vi) Kemungkinan *intensification* (intensifikasi) dan *extensification* (ekstensifikasi); (vii) Dasar pemerintah dari pusat hingga ke daerah dapat mengunggulkan komoditi tertentu, dan memberikan nilai besar apabila komoditi yang dipilih tersebut memang dianjurkan oleh pemerintah.

Sebagai komoditi unggulan, budidaya atau pemeliharaan usaha sutera juga memiliki keunggulan bandingan, kerana kualiti benang yang dihasilkan lebih bagus, jenis warna dan corak yang indah sehingga produk sutera ini mempunyai keunggulannya. Selain itu pengembangan sutera sangat sesuai dilakukan oleh kerana iklim dan cuaca yang baik, dengan dua musim yang sesuai untuk pengembangan sutera. Dalam perkembangannya persuteraan ini telah dibuat suatu program kerjasama dengan pelbagai pihak baik pemerintah, swasta, pelaku usaha sutera, media mahupun pendidikan tinggi (universiti) serta NGO. Program ini mempertimbangkan semua aspek secara komprehensif dalam memajukan usaha sutera. Kemudian dibuatkan beberapa dasar yang dikeluarkan oleh

pemerintah pusat, provinsi dan pemerintah daerah menjadikannya sebagai produk unggulan daerah.

Prioriti program pemerintah pada masa ini ialah pembuatan telur induk (bibit ulat setera) yang berkualiti sehingga petani nanti dapat dengan mudah untuk memperoleh bibit sutera. Selain itu, terdapat aspek produksi, pengolahan dan pemasaran dalam satu sistem yang terintegrasi. Peranan pemerintah dalam menetapkan persuteraan sebagai komoditi unggulan sangat penting bagi meneruskan penglibatan komuniti dalam industri ini.

Dinas Kehutanan Sulawesi Selatan mensasarkan perluasan pengembangan sutera alam menjadi 12 kabupaten yang menjadikan sutera alam sebagai komoditi unggulan mereka di sektor kehutanan (huluan). Dina situ menganggap pada tahun 2011, pengembangannya masih terfokus di tiga kabupaten – Wajo, Enrekang, dan Soppeng, manakala kemudian dijangkakan kabupaten-kabupaten seperti Gowa, Bulukumba, Sinjai, Luwu Timur, Pinrang, Maros, Tator, Bone, dan Barru akan ikut sama. Prospek pengembangan sutera alam masih sangat besar, mengambil kira potensi ekonomi yang dapat diperolehi dari komoditi ini. Dengan modal satu kotak bibit seharga Rp80,000 (kira-kira RM25.00) yang berisi 25 ribu ekor, ia dapat menghasilkan hingga 6 kilogram benang yang boleh dipasarkan seharga Rp450,000 (RM5.00 – RM6.00) per kilogram dan dapat dituai dalam jangka waktu 35 hari.

Oleh sebab itu, bagi pengembangan sutera alam akan datang akan diutamakan daerah-daerah pedesaan dengan perbukitan yang jauh dari perkotaan. Hal ini diharapkan mampu membangun ekonomi masyarakat, sehingga dapat menjadi salah satu program membanteras kemiskinan. Untuk mendorong minat pengembangan sutera alam, Dinas Kehutanan telah menjadikan komoditi ini sebagai salah satu komoditi unggulan sektor kehutanan dari provinsi Sulawesi Selatan. Mengambil kira besarnya potensi pengembangan sutera alam di Sulawesi Selatan, pemerintah provinsi akan menjadikan Sulawesi Selatan sebagai kawasan persuteraan nasional.

Kesimpulan

Artikel ini telah menghuraikan bagaimana peranan pemerintah dalam mengembangkan proses usaha persuteraan terutama dalam membuat dasar serta memberikan beberapa bentuk bantuan. Dalam pelbagai kebijakan atau dasar yang telah dibuat oleh pemerintah terhadap pengembangan persuteraan didapati beberapa dasar yang tidak efektif dalam membangun usaha persuteraan. Namun dalam pengembangannya pemerintah telah melaksanakan beberapa program dan kerjasama dengan beberapa pihak yang berkaitan dengan usaha persuteraan. Ini termasuk kerjasama dengan Bank Negara Indonesia (BNI) dalam membangun perkampungan sutera BNI di Kabupaten Wajo yang merupakan satu langkah yang baik oleh pemerintah dalam memastikan usaha sutera sebagai industri unggulan di Sulawesi Selatan.

Sebagai komoditi keutamaan (unggulan) Pemerintah Sulawesi Selatan juga telah membuat dan menetapkan Peraturan Daerah No. 7 tentang Rencana Pembangunan Industri Provinsi tahun 2018-2038, di mana sutera menjadi salah satu produk unggulan yang diutamakan dalam program pengembangan industri, dengan melibatkan banyak *stakeholder*, iaitu pemerintah, masyarakat petani, pengrajin dan pengusaha, university dan perguruan tinggi lain, NGO dan media. Banyaknya *stakeholder* yang terlibat dalam usaha persuteraan di sektor hulu hingga ke hiliran boleh membantu menghuraikan permasalahan serta cabaran-cabaran yang ada untuk mengemukakan cara penyelesaian yang lestari.

Walaupun secara umum di Sulawesi Selatan usaha persuteraan mengalami kemerosotan terutama di sektor hulu iaitu penyediaan bibit ulat sutera yang tidak baik, namun di sektor hiliran, para pengrajin seperti pemintal benang, dan penenun tetap menjalankan aktiviti usaha sutera seperti terdapat di kabupaten Wajo dengan unit usaha yang terus berkembang. Bilangan keluarga yang terlibat dalam usaha ini juga banyak walaupun bahan bakunya sebahagian besar diperolehi menggunakan bahan import.

Terdapat banyak cabaran dalam usaha persuteraan di Sulawesi Selatan daripada hulu hingga kepada hiliran yang harus segera

diatasi. Cabaran-cabaran itu semakin meningkat seiring dengan semakin derasnya serangan produk-produk dari China dan India yang lebih murah harganya dan mudah diperolehi. Salah satu cabaran yang muncul dalam kalangan petani ialah harga telur ulat sutera import dari China mahal, sementara telur lokal pula berkualiti rendah. Hal ini memberi kesan terhadap tingkat produksi kokon dan benang yang semakin turun secara drastik dari tahun ke tahun. Sebahagian petani berpindah ke sektor lain dan harus mengalih fungsikan tanah tanaman mereka ke tanaman yang lebih menjanjikan untuk memenuhi keperluan hidup sehari-hari.

Salah satu langkah untuk menjadikan Sulawesi Selatan sebagai pusat sutera nasional adalah dengan melaksanakan konsep pengembangan teknologi partisipatif. Ini bermaksud mengoptimalkan pemanfaatan sumber daya alam dan manusia yang tersedia di tempat dan yang secara ekonomi layak, baik dari segi ekologi, disesuaikan menurut budaya, serta adil secara sosial. Untuk memudahkan langkah tersebut maka diperlukan kerjasama antara sektor sehingga menghasilkan sebuah kesepakatan lintas kementerian dari hulu hingga ke hiliran. Dengan cara ini dipercayai Sulawesi Selatan akan mampu memenuhi keperluan bekalan sutera nasional dan menjadi ikon sutera secara nasional.

Rujukan

- Abdul Rahman Embong. 2008. *Developmentalist State in Malaysia: Its Origins, Nature, and Contemporary Transformation*. Dlm. Joan M. Nelson, Jacob Meerman & Abdul Rahman Embong (ed.), *Globalization and National Autonomy: The Experience of Malaysia*. Singapore: ISEAS & Bangi: IKMAS, UKM.
- Ambardi, U.M. 2002. *Pengembangan Wilayah dan Otonomi Daerah*, Kajian Konsep dan Pengembangan pasar Pengkajian Kebijakan Teknologi Pengembangan Wilayah, Jakarta.
- Amsden, A. 1989. *Asia's Next Giant: South Korea and Late Industrialization*. New York: Oxford University Press.
- Appelbaum, R.P. & J. Henderson (ed.). 1992. *States in Development in the Asian Pacific Rim*. Newbury Park: Sage Publications.
- Anderson, A.R & Sarah L. Jack. 2002. *The Articulation of Social Capital in Entrepreneurial Networks: A Glue or Lubrication*. *Entrepreneurship and Regional Development*, 14: 1993-210.

- Balai Persuteraan Alam. 2013. *Selayang Pandang Balai Persuteraan Alam*. Gowa: Balai Persuteraan Alam.
- Baso Iwang. 2019. Penglibatan Komuniti dalam Perusahaan Sutera di Tiga Kabupaten (Wajo, Enrekang dan Soppeng), Provinsi Sulawesi Selatan, Indonesia. *Southeast Asian Social Science Review* 4(1): 71-98.
- Baso Iwang. 2015. Penglibatan Komuniti Dalam Perusahaan Sutera di Sulawesi Selatan, Indonesia. Bangi. Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia. Tesis PhD (Tidak diterbitkan).
- Coleman, James. 1988. Social Capital in the Creation of Human Capital. *American Journal of Sociology* 94. (supplement): 95-120.
- Dinas Koperasi Perindustrian Perdagangan Kabupaten Soppeng. 2009. Kondisi Persuteraan Alam Kabupaten Soppeng.
- Dinas Koperasi UMK dan Perdagangan, 2012. Data Pertenunan Sutera & Non Sutera, Kabupaten Wajo.
- Fajar, 2018. Terbaik di Indonesia, Terkendala Budi Daya. 15 Oktober.
- Freeman, R. E. 1984. *Strategic Management: A Stakeholder Approach*. Boston, Pitman.
- Green, R.H. 1974. The Role of the State as an Agent of Economic and Social Development in the Least Developed Countries. *Journal of Development Planning* 6: 40.
- Johnson, C. 1982. *MITI and The Japanese Miracle: the Growth of Industrial Policy*. Stanford, Calif.: Stanford University Press.
- Kampoeng BNI Nusantara, www.bni.co.id.
- Kustanto, H. 1999. Sistem Pengembangan Agroindustri Komoditi Unggulan pada Kawasan Andalan: Studi Kasus di Kabupaten Ciamis, Jawa Barat. Tesis. PPs. IPB. Bogor.
- Laporan Tahunan. 2008. Dinas Perindustrian dan Perdagangan Provinsi Sulawesi Selatan.
- Laporan Tahunan. 2012. Dinas Perindustrian dan Perdagangan Provinsi Sulawesi Selatan.
- Munaf, Y. 2005. Kebijakan pengembangan sutera di Indonesia. Makalah pada Workshop Sinergi Pengembangan Hasil Litbang: Industri Pengolahan Sutera. Departemen Perindustrian. Bandung. 12 Desember.
- Pemerintah Provinsi Sulawesi Selatan. 2004. Gerakan Pembangunan Ekonomi Masyarakat (Gerbang Emas) Sulawesi Selatan, Pemerintah Provinsi Sulsel, Makassar.
- Peraturan Bersama Menteri Kehutanan, Menteri Perindustrian, dan Menteri Negara Koperasi dan Usaha Kecil dan Menengah Nomor: P.47/Menhut-II/2006; Nomor: 29/M-IND/PER/6/2006; dan Nomor: 07/PER/M.KUKM/VI/2006 tentang Pembinaan dan Pengembangan Persuteraan Alam Nasional dengan Pendekatan Klaster. Direktorat Bina Perhutanan Sosial, 2007. Rencana Induk Pengembangan Persuteraan Alam Nasional 2006-2010, Ditjen RLPS.

- Perum Perhutani. 2005. Budidaya persuteraan alam. Makalah pada Workshop Sinergi Pengembangan Hasil Litbang: Industri Pengolahan Sutra. Departemen Perindustrian. Bandung. 12 Desember 2005.
- Peraturan Daerah Provinsi Sulawesi Selatan Nomor. 7 tahun 2018 tentang Rencana Pembangunan Industri Provinsi Sulawesi Selatan tahun 2018-2038.
- Poppy S. Wanti. 2003. Development State dan Tantangan Globalisasi: Pengalaman Korea Selatan. *Jurnal Ilmu Sosial dan Politik*, Vol. 7 no.2 Nop. 2003 (175-204).
- Republika. Co.Id. 2016. Menengok Proses Pembuatan Benang Sutra Soppeng. <http://republika.Co.Id>.
- Sadapotto. 2010. Penataan Institusi untuk Peningkatan Kinerja Persuteraan Alam di Sulawesi Selatan: Studi Komparasi di Enrekang, Soppeng dan Luoding City, Cina. Disertasi, Fakultas Pascasarjana.IPB.
- Sadapotto. 2012. Proses Kebijakan Persuteraan Alam di Indonesia. *Jurnal Perennian*. 8(1): 1-5.
- Salman D, Sadapotto A, Tenriawaru N, Suhab S, Djamil, H. 2005. *Promosi Pembangunan Daerah Melalui Pengembangan Komoditi Unggulan Sutra Alam*. Makassar: JICA-PSKMP.
- Sity Daud. 2014. Peranan Negara dalam Pembangunan. Dlm Chin Yee Whah, Nor Hayati Sa'at & Sity Daud (ed.), *Sains Sosial dan Kajian Pembangunan: Kumpulan Rencana Penghormatan untuk Profesor Abdul Rahman Embong*. Bangi: Persatuan Sains Sosial Malaysia & IKMAS.
- Tambunan M, Siregar H, Rachmina D, Kuntjoro SU. 1999. Pengembangan Persuteraan Alam dan Kaitannya dengan Upaya Peningkatan Ekspor Non Migas, Substitusi Impor, serta Agroindustri Berwawasan Lingkungan. Laporan Akhir Hibah Bersaing V. Bogor: Institut Pertanian Bogor.
- Undang-Undang Otonomi Daerah 1999: Undang-Undang RI No. 22 Tahun 1999 tentang Pemerinthan Derah. Aneka Ilmu. Semarang.
- Woo-Cumings, M. (pnyt). 1999. *The Development State*. Ithaca & London: Cornell University Press.
- [www/sulsel.go.id](http://www.sulsel.go.id). 2006. Evaluasi Kinerja Gerbang Emas. 12 september http://www.mapnall.com/id/map/Peta-Kota%20Manado_153738.html
- https://en.wikipedia.org/wiki/Thai_silk (diakses pada 2 Mac 2020).
- <https://kumparan.com/stella-kemala-susilo/jim-thompson-raja-sutra-thailand-yang-menghilang-secara-misterius-1553059194004384781>

Role of the Government in Developing the Silk Industry of South Sulawesi, Indonesia

ORIGINALITY REPORT

8%	8%	1%	%
SIMILARITY INDEX	INTERNET SOURCES	PUBLICATIONS	STUDENT PAPERS

PRIMARY SOURCES

1	repository.unhas.ac.id	2%
	Internet Source	
2	journal.unhas.ac.id	1%
	Internet Source	
3	media.neliti.com	1%
	Internet Source	
4	www.jmhi.info	1%
	Internet Source	
5	rizkiero10.blogspot.com	1%
	Internet Source	
6	www.kreditur.net	1%
	Internet Source	
7	dikaferdianto.wordpress.com	1%
	Internet Source	
8	id.123dok.com	1%
	Internet Source	
9	chompey.blogspot.com	1%
	Internet Source	
10	etalase-kediri.blogspot.com	1%
	Internet Source	